



MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)

- PEKELILING -

KEJUJURAN DAN KETEKUNAN

Fail : ()MBSA/PTD/SM/500-4/11Jld.

Tarikh : April 2014
Jamadirawal 1435H

Kepada;

**Semua Ahli Majlis, Pegawai dan Warga Kerja
Majlis Bandaraya Shah Alam**

Y.A.D Dato'/ Y.Bhg. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**PINDAAN PEMBERIAN KEMUDAHAN RAWATAN PERUBATAN PAKAR
MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa, dalam usaha untuk menambahbaik pemberian kemudahan perubatan kepada Ahli Majlis, Pegawai dan Warga Kerja MBSA, pihak pengurusan Majlis dalam Mesyuarat Majlis Kali Kedua Tahun 2014 (2/2014) Sesi 2014/2015 bertarikh 26 Mac 2014, telah bersetuju meluluskan beberapa pindaan bagi kemudahan rawatan pakar.

3. Pindaan-pindaan yang dimaksudkan adalah seperti di **LAMPIRAN 1**. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **1 Oktober 2013**.

4. Dengan berkuat kuasanya pindaan ini, Pekeliling Majlis bil.MBSA/PTD/SM/500-4/11 Jld. 17 bertarikh 24 Februari 2011, dan Pekeliling Majlis bil.MBSA/PTD/SM/500-4/11 Jld. 39 bertarikh 11 September 2013, berkenaan kemudahan rawatan pakar Majlis Bandaraya Shah Alam, adalah **ditambahbaik** bagi menghargai Ahli Majlis, Pegawai dan Warga Kerja MBSA.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

*** BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ***

Saya yang menjalankan tugas,

(MADIYAN BIN BAWEH)

Timbalan Pengarah Khidmat Pengurusan

- s.k. 1. Datuk Bandar
2. Timbalan Datuk Bandar

MB/nms.....pekeliling pindaan pakar

**PERATURAN DAN PINDAAN DASAR PERUBATAN PAKAR
MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM**

BIL.	PERATURAN SEDIA ADA	PINDAAN
1.	Peruntukan Tahunan	Peruntukan Tahunan
	1.1 Gred 41 ke atas termasuk Ahli Majlis, Timb. Datuk Bandar dan Datuk Bandar (RM30,000.00)	1.1 a) Datuk Bandar (RM50,000.00)
		b) Timbalan Datuk Bandar (RM45,000.00)
		c) Ahli Majlis/ Pengarah/ Pegawai Gred 48 - 54 (RM40,000.00)
		d) Gred 41 – 44 (RM35,000.00)
	1.2 Gred 1 hingga Gred 40 (RM20,000.00)	1.2 a) Gred 27 - 40 (RM30,000.00)
		b) Gred 1 – 26 (RM25,000.00)
	1.3 Kemudahan Bersalin / Materniti (RM2,500.00) * peruntukan ini baru sahaja dinaikkan daripada RM1,700.00 kepada RM2,500.00 pada 1.9.2013.	1.3 Dikekalkan
	1.4 Pemeriksaan Kesihatan Menyeluruh/ Executive Screening Programme (RM500.00)	1.4 Dikekalkan
2.	Kelayakan Wad	Kelayakan Wad
	2.1 Datuk Bandar & Timbalan Datuk Bandar (Single Suite)	2.1 Datuk Bandar & Timbalan Datuk Bandar (Standard Suite/ Single Room) * kadar bilik maksima RM380.00
	2.2 Ahli Majlis, Pengarah/ Pegawai Gred 44 - 54 (Standard Suite)	2.2 Ahli Majlis, Pengarah/ Pegawai Gred 44 - 54 (One Bedded Standard Room) * kadar bilik maksima RM180.00
	2.3 Gred 27–Gred 43 (Two Bedded)	2.3 Gred 27– Gred 43 (Two Bedded) * kadar bilik maksima RM130.00

BIL.	PERATURAN SEDIA ADA	PINDAAN
	2.4 Gred 1 – 26 (Four Bedded)	2.4 Gred 1 – 26 (Four Bedded) * kadar bilik maksima RM100.00
3.	RAWATAN PENYAKIT	RAWATAN PENYAKIT
	3.1 Perlu ada surat rujukan daripada mana-mana klinik panel Majlis	3.1 Dikekalkan
	3.2 Bagi penyakit yang berpanjangan seperti Diabetis, Hypertension dan masalah jantung, Ahli Majlis / Pegawai/ Warga Kerja MBSA diminta untuk mengambil bekalan ubat di hospital/ klinik Kerajaan.	3.2 a) Bagi penyakit yang berpanjangan seperti Diabetis, Hypertension dan masalah jantung, Ahli Majlis / Pegawai/ Warga Kerja MBSA dibenarkan untuk mengambil bekalan ubat di hospital panel MBSA. b) Ahli Majlis / Pegawai/ Warga Kerja MBSA juga dibenarkan untuk membeli ubat daripada mana-mana farmasi luar, sekiranya bekalan ubat yang diperlukan tidak dapat dibekalkan oleh hospital panel.
		c) Ahli Majlis / Pegawai/ Warga Kerja MBSA perlu mendapatkan preskripsi daripada doktor perubatan yang merawat sama ada dari hospital atau klinik panel MBSA. d) Ahli Majlis / Pegawai/ Warga Kerja MBSA bertanggungjawab untuk memastikan pembelian ubat di farmasi adalah lebih rendah harganya daripada di hospital / klinik panel MBSA. e) Namun begitu Pembelian ubat di farmasi luar adalah menggunakan prinsip “Bayar Dahulu, Tuntut Kemudian”.
	3.3 Kebenaran untuk kemasukan wad juga diberikan dengan adanya surat rujukan yang menerangkan masalah/ penyakit yang dihadapi.	3.3 Dikekalkan

BIL.	PERATURAN SEDIA ADA	PINDAAN
	3.4 Suntikan pencegahan (vaksin) tidak dibenarkan. Ahli Majlis / Pegawai / warga kerja MBSA perlu membayar sendiri bagi suntikan tambahan seperti Pneumococcal, HPV, H1N1 dan lain-lain.	3.4 Meluluskan pemberian suntikan pencegahan (vaksin). Ahli Majlis / Pegawai / warga kerja MBSA dibenarkan untuk mengambil apa-apa suntikan pencegahan untuk diri sendiri atau keluarga seperti Pneumococcal, Human Papilloma Virus (HPV), H1N1 dan lain-lain.
	3.5 Suntikan imunisasi yang dibenarkan adalah seperti yang diwajibkan oleh Kementerian Kesihatan sahaja (sehingga umur 18 bulan).	3.5 Dikekalkan
	3.6 Suntikan/ penggunaan alat perancangan keluarga adalah tidak ditanggung.	3.6 Dikekalkan
4.	Kemasukan Ke Wad	Kemasukan Ke Wad
	4.1 Semua kemasukan ke wad terutama pada hari cuti, perlu mendapat pengesahan daripada : - Dr. Haji Roslan bin Haji Fadzil, Pengarah Perkhidmatan Bandar, atau - Dr. Ida Yanti binti Mohd Soffian, Tim. Pengarah Perkhidmatan Bandar, termasuk bagi kes kecemasan seperti kemalangan.	4.1 Dikekalkan
	4.2 Kes-kes yang dibenarkan untuk kemasukan ke wad adalah untuk semua penyakit yang perlu untuk pemantauan pakar perubatan, kes pembedahan dan juga termasuk kes kecemasan seperti kemalangan.	4.2 Dikekalkan.
5.	Rawatan Susulan (Follow Up)	Rawatan Susulan (Follow Up)
	5.1 Rawatan susulan yang dibenarkan adalah untuk dua kali rawatan sahaja.	5.1 Tidak menghadkan bilangan rawatan susulan yang perlu dibuat.
	5.2 Setiap rawatan susulan juga perlu disertakan dengan surat rujukan daripada hospital	5.2 Dikekalkan

BIL.	PERATURAN SEDIA ADA	PINDAAN
6.	Pengeluaran Surat Jaminan Majikan (GL)	Pengeluaran Surat Jaminan Majikan (GL)
	6.1 Setiap permohonan GL perlu disertakan dengan Surat Rujukan daripada mana-mana klinik panel.	6.1 Dikekalkan
	6.2 Permohonan GL perlu disemak baki peruntukan di Bahagian Sumber Manusia sebelum mendapat kelulusan dan sokongan daripada : - Dr. Haji Roslan bin Haji Fadzil, Pengarah Perkhidmatan Bandar, atau - Dr. Ida Yanti binti Mohd Soffian, Tim. Pengarah Perkhidmatan Bandar	6.2 Dikekalkan
	6.3 Seterusnya, borang permohonan akan dihantar semula ke Bahagian Sumber Manusia untuk pengeluaran GL.	6.3 Dikekalkan
	6.4 Setelah itu, Ahli Majlis / Pegawai / Warga Kerja MBSA / wakil bertanggungjawab untuk menyerahkan surat GL ke Bahagian GL di hospital panel	6.4 Dikekalkan
7.	Rawatan Kecemasan	Rawatan Kecemasan
	7.1 Ahli Majlis / Pegawai / Warga Kerja MBSA boleh mendapat rawatan bagi semua jenis kes/ penyakit termasuk kes kecemasan.	7.1 Dikekalkan
8.	Perkhidmatan Ambulans	Perkhidmatan Ambulans
	8.1 Perkhidmatan ambulan daripada tempat kejadian, adalah dibenarkan bagi kes-kes kecemasan. Contohnya, dari tempat kemalangan.	8.1 Dikekalkan
	8.2 Juga dibenarkan bagi kes pertukaran ke hospital lain, atau pengangkutan daripada hospital ke tempat untuk menerima rawatan. Contoh, ditempatkan di Hospital KPJ Selangor, rawatan kimoterapi di Hospital Gleneagle, Kuala Lumpur.	8.2 Dikekalkan

BIL.	PERATURAN SEDIA ADA	PINDAAN
9.	Rujukan Ke Hospital Lain Bukan Panel	Rujukan Ke Hospital Lain Bukan Panel
	9.1 Mana-mana kos perubatan di hospital pakar lain yang dirujuk oleh hospital panel Majlis akan ditanggung oleh Majlis, dengan syarat rujukan ke hospital tersebut adalah dicadangkan oleh hospital panel. Namun begitu, ringkasan laporan perubatan dan keperluan untuk rujukan ke hospital pakar lain perlu di kemukakan ke Bahagian Sumber untuk kelulusan pengurusan.	9.1 Dikekalkan
10.	Tanggungan	Tanggungan
	10.1 Tanggungan Majlis adalah untuk keluarga Ahli Majlis / Pegawai/ Warga Kerja MBSA sahaja. Tidak termasuk ibubapa pegawai / Warga Kerja MBSA. Manakala, had umur bagi anak-anak Ahli Majlis / Pegawai/ Warga Kerja MBSA adalah cukup umur 18 tahun atau sehingga cukup umur 21 tahun, jika masih belajar (salinan kad pelajar diperlukan sebagai pengesahan).	10.1 Tanggungan Majlis adalah untuk keluarga Ahli Majlis / Pegawai / Warga Kerja MBSA dan keluarga sahaja. Definisi keluarga adalah: • Pegawai lelaki; isteri/ isteri-isteri dan anak-anak, termasuk anak angkat yang sah dan anak-anak tiri. • Pegawai wanita; suami dan anak-anak, termasuk anak angkat yang sah dan anak- anak tiri. • Had umur bagi anak-anak adalah sehingga cukup umur 18 tahun, atau sehingga cukup umur 21 tahun jika masih belajar di IPTA / IPTS. Namun begitu, tiada had umur tanggungan, bagi anak-anak yang Kelainan Upaya / Istimewa (mental / fizikal) samaada ketika dilahirkan atau semasa dalam tanggungan. • Ahli Majlis / Pegawai / Warga Kerja MBSA yang mempunyai anak di bawah umur 21 tahun dan masih belajar, bertanggungjawab untuk mengemukakan salinan surat tawaran dan salinan kad pelajar ke Bahagian Sumber Manusia.
	10.2 Ahli Majlis / Pegawai / Warga Kerja MBSA bertanggungjawab untuk sentiasa mengemaskini maklumat tanggungan di Jabatan Khidmat Pengurusan.	10.2 Dikekalkan

BIL.	PERATURAN SEDIA ADA	PINDAAN
		Tambahan: 10.3 Ahli Majlis / Pegawai / Warga Kerja MBSA perlu membayar sendiri kos bayaran perubatan bagi tanggungan yang mana maklumatnya tidak dikemaskini.
11.	Bayaran Balik Kos Perubatan Yang Telah Melebihi Kelayakan	Bayaran Balik Kos Perubatan Yang Telah Melebihi Kelayakan
	11.1 Ahli Majlis / Pegawai / Warga Kerja MBSA yang telah menggunakan peruntukan melebihi kelayakan hendaklah membayar balik lebihan kos yang terlibat.	11.1 Dikekalkan
	11.2 Bahagian Sumber Manusia akan mengeluarkan surat tuntutan bayaran balik kepada Ahli Majlis / Pegawai / Warga Kerja MBSA yang berkenaan. Ahli Majlis / Pegawai / Warga Kerja akan diberikan satu tempoh masa yang munasabah untuk menyelesaikan bayaran balik tersebut.	11.2 Surat tuntutan bayaran balik akan dikeluarkan kepada Ahli Majlis / Pegawai / Warga Kerja MBSA yang berkenaan.
		11.3 Bayaran balik boleh dibuat secara tunai atau melalui potongan emolumen.
		11.4 Suatu tempoh masa yang munasabah dan sesuai juga akan diberikan bagi menyelesaikan bayaran balik tersebut.
12.	Pemeriksaan Kesihatan Menyeluruh / Executive Screening Programme (ESP)	Pemeriksaan Kesihatan Menyeluruh / Executive Screening Programme (ESP)
	12.1 Pemeriksaan Kesihatan Menyeluruh boleh dibuat di mana-mana hospital panel.	12.1 Dikekalkan
	12.2 Kebenaran kepada pegawai / warga kerja MBSA yang telah mencapai umur 40 tahun ke atas.	12.2 Kebenaran kepada pegawai / warga kerja MBSA yang telah mencapai umur 35 tahun ke atas.
		Tambahan: 12.3 Memberi kebenaran kepada Ahli Majlis / Pegawai / Warga Kerja MBSA untuk menjalankan Pemeriksaan Kesihatan Menyeluruh / ESP setiap dua (2) tahun sekali.

BIL.	PERATURAN SEDIA ADA	PINDAAN
		Nota: Pegawai yang menerima Elaun Tidak Berpencen/ Non Pensionable Allowance (NPA) akan mendapat kemudahan sepertimana Gred NPA pegawai.

